



Kos mahal bukan alasan jauhi IPT

Pelbagai jenis biasiswa, pinjaman dan dermasiswa disediakan untuk pelajar B40 dan M40

Oleh Muhamad Lokman Khairi
bhpendidikan@bh.com.my

Benarkah kos pengajian tinggi yang mahal antara sebab utama mengapa sebilangan anak muda memilih untuk tidak menyambung pendidikan selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)?

Secara umum, kos pengajian tinggi sama ada untuk aliran Sains atau Sastera mencecah hingga RM50,000 atau lebih meliputi yuran pengajian, penginapan, buku rujukan selain kadar itu akan bertambah jika pelajar terpaksa duduk di luar asrama.

Bagaimanapun, terdapat pelbagai jenis bantuan kewangan yang sedia diberi pelbagai pihak termasuk pelajar yang datang daripada keluarga M40. Selain pemberian biasiswa, ada juga bantuan dalam bentuk pinjaman boleh ubah juga zakat.

Selain Kementerian Pendidikan (KPM), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau Majlis Amanah Rakyat (MARA) terdapat beberapa agensi lain yang turut menawarkan biasiswa kepada pelajar yang layak.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (Yayasan Peneraju), Dr Amina Josetta Kayani, berkata sebagai agensi di bawah Kementerian Ekonomi yang bermatlamatkan pembangunan Bumiputera, pemberian biasiswa Yayasan Peneraju akan diberikan kepada pemohon yang berkecukupan.

"Kelayakan itu berdasarkan lima program yang ditawarkan agensi di bawah Kementerian Ekonomi. Namun ia tidak hanya membantu golongan B40 tetapi juga pelajar daripada keluarga M40 juga.

"Terdapat beberapa jenis bantuan kewangan yang kami diberikan dalam satu daripadanya adalah untuk pelajar ijazah pertama di bawah program Peneraju Tunas Potensi. Namun nilainya berbeza-beza mengikut tawaran kursus yang mereka terima," katanya.

Tegas Amina Josetta, secara umum di bawah program Peneraju Tunas Potensi pembiayaan pendidikan diberikan kepada lepasan SPM dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Ia terbuka kepada semua Bumiputera yang layak untuk menyambung pengajian di institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Tidak terikat

Bagaimanapun katanya, pemberian biasiswa oleh Yayasan Peneraju tidak hanya terhad kepada penuntut prasiswazah, tetapi juga kepada murid sekolah, graduan belum bekerja serta golongan bekerja berusia 45 tahun ke bawah.

"Sesuai dengan fokus melahirkan bakat Bumiputera yang mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara, majoriti program direka khas dengan fokus memberi peluang kepada pemohon daripada keluarga kurang berkemampuan untuk mendapatkan akses pendidikan dan latihan berkualiti demi menyerlahkan potensi dan kecemerlangan mereka.

"Walaupun demikian, terdapat juga program-program yang direka khas dengan tujuan untuk meningkatkan jumlah modal insan Bumiputera yang berkemahiran tanpa melihat jumlah pendapatan sebagai syarat utama pemilihan," katanya.

Menurutnya, sejak 2012, Yayasan Peneraju menyediakan peluang untuk melatih semula dan menaik taraf kemahiran lebih 60,000 bakat termasuk golongan B40, M40, luar bandar dan terpinggir melalui lebih 470 program bagi membolehkan mereka menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Sementara itu, Ketua Jabatan Pengurusan Pendidikan Lembaga Zakat Selangor (LZS), Saiful Anuar Abdullah Salleh, berkata secara umum LZS sentiasa membantu anak muda yang mahu melanjutkan pengajian di peringkat tinggi.

Katanya LZS ada menyediakan bantuan dikenali sebagai dermasiswa yang disalurkan kepada anak asnaf fakir, miskin dan muafaf yang berdaftar dengan LZS.

"Dermasiswa ini menggunakan peruntukan agihan zakat yang diberikan kepada anak asnaf fakir, miskin dan muafaf yang berdaftar dengan LZS.

"Pendekatan dermasiswa ini tidak sama dengan biasiswa. Umumnya biasiswa terbuka kepada pelajar yang layak dan memenuhi syarat tertentu berdasarkan pihak pemberi biasiswa misalnya berkhidmat dengan mereka selepas tamat pengajian.

"Namun bantuan dermasiswa yang disalurkan tidak menyasarkan pelajar untuk berkhidmat dengan LZS selepas tamat pengajian sebagaimana biasiswa," katanya.

Tegas Saiful Anuar, pemberian dermasiswa itu tidak hanya diberi kepada pelajar yang mendapat tawaran di universiti awam (UA) tetapi juga swasta malah di institut-institut kemahiran.

Selain bantuan dermasiswa, satu lagi jenis bantuan kewangan yang ditawarkan kepada pelajar adalah pinjaman pendidikan. Ketika ini Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) antara pilihan yang

ada untuk pelajar membuat pinjaman pendidikan.

Fokus cemerlang

Bagaimanapun PTPTN meletakkan syarat permohonan mestilah berusia tidak lebih daripada 45 tahun ketika memohon. Selain itu tawaran pengajian mestilah dari UA atau politeknik yang mendapat pengiktirafan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), manakala bagi pelajar di institut pengajian swasta, kursus yang ditawarkan mestilah mendapat Sijil Perakuan Akreditasi daripada MQA dan masih dalam tempoh sah laku semasa tarikh memohon.

Bagi penuntut Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dari Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Nur Hanisah Hamsan, 23, mengakui pembiayaan pendidikan yang diterimanya daripada Yayasan Peneraju amat membantu dari sudut kewangan keluarganya.

Menurut anak bongsu dari lima beradik itu, dia bersyukur terpilih sebagai penerima biasiswa kerana dapat melangsangkan yuran pengajian yang agak tinggi tanpa membebankan ibunya, Maselis Bachok, 57, seorang ibu tunggal dan tidak bekerja.

Katanya, Yayasan Peneraju turut menyediakan wang saku setiap bulan yang dimanfaatkan untuk pembelian barang keperluan belajar dan makanan selain mampu membuat tabung.

"Apa yang penting, saya perlu fokus pada pengajian dan mengekalkan prestasi akademik setiap sepester.

"Apabila diberikan biasiswa, ia adalah kepercayaan oleh si pemberi, jadi saya perlu pastikan untuk kekal cemerlang sebagai tanda syukur dan membantu penaja memenuhi matlamat mereka membangunkan Bumiputera," katanya.

Sejak 2012, Yayasan Peneraju menyediakan peluang untuk melatih semula dan menaik taraf kemahiran lebih 60,000 bakat termasuk golongan B40, M40, luar bandar dan terpinggir melalui lebih 470 program

Dr Amina Josetta Kayani, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Peneraju



LZS ada menyediakan bantuan dikenali sebagai dermasiswa yang disalurkan kepada anak asnaf fakir, miskin dan muafaf yang berdaftar dengan LZS

Saiful Anuar Abdullah Salleh, Ketua Jabatan Pengurusan Pendidikan LZS



Apabila diberikan biasiswa, ia adalah kepercayaan oleh si pemberi, jadi saya perlu pastikan untuk kekal cemerlang sebagai tanda syukur dan membantu penaja memenuhi matlamat mereka membangunkan Bumiputera

Nur Hanisah Hamsan, Penuntut Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer UNITEN

